

**TEKS UCAPAN**

**WAKIL PEKERJA SELAMAT HARI JADI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA TN. HAJI RAHIM BIN GOON  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN  
PENGARAH KANAN PROJEK  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN  
PENGARAH KANAN PENGURUSAN  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN  
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

1. DALAM USAHA BERTERUSAN KITA KE ARAH TRANSFORMASI NEGARA, PERKHIDMATAN AWAM MERUPAKAN KOMPONEN PENTING DAN PENGHUBUNG DALAM MENTERJEMAHKAN VISI KERAJAAN KEPADA PROGRAM-PROGRAM YANG BOLEH DILAKSANAKAN. PERKHIDMATAN AWAM, YANG MENJADI TONGGAK PENTADBIRAN NEGARA, JUGA SEDANG MENITI TRANSFORMASI KE ARAH MENJAYAKAN AGENDA TRANSFORMASI NEGARA, YANG MERANGKUMI TRANSFORMASI KERAJAAN, EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL.

2. WARGA LLM SEDIA MAKLUM BAHAWA KITA SEMUA MEMPUNYAI HAK (BERDASARKAN PERLEMBAGAAN) UNTUK MENENTUKAN SIAPA YANG WAJAR DIPILIH UNTUK MEMIMPIN DAN MENTADBIR NEGARA. NAMUN, PARA HADIRIN SEKALIAN HARUS JUGA SEDAR BAHAWA SEBAGAI PENJAWAT AWAM, KITA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB UNTUK BERKHIDMAT KEPADA

GOVERNMENT OF THE DAY DAN MENGETEPIKAN SEBARANG PANDANGAN POLITIK PERIBADI SEMASA MENJALANKAN TUGAS MASING-MASING.

3. KITA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MEMENUHI ASPIRASI KERAJAAN DAN BERKHIDMAT BAGI MELAKSANAKAN MANDAT YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KERAJAAN. INI SELARAS DENGAN PESANAN YAB PERDANA MENTERI SEWAKTU MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM (MAPPA) KETIGABELAS PADA 11 MAC 2013, DI MANA BELIAU MENYIFATKAN PENJAWAT AWAM SEBAGAI “AGEN TRANSFORMASI PALING HADAPAN DALAM PERANTARAAN DI ANTARA RAKYAT DAN KERAJAAN.” KITA MERUPAKAN BARISAN HADAPAN YANG AKAN MENUNAIKAN JANJI KERAJAAN KEPADA RAKYAT DENGAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG CEPAT, TEPAT DAN BERINTEGRITI, DEMI KEBAJIKAN SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT.

HADIRIN SEKALIAN

4. MALAYSIA TELAH MELALUI BANYAK PERINGKAT PEMBANGUNAN DAN TRANSFORMASI DALAM USAHANYA UNTUK

MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT. SUKA SAYA NYATAKAN DIDALAM PERHIMPUNAN INI BAHAWA KETUA SETIAUSAHA NEGARA TELAH MEMPERKENALKAN KONSEP 'MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM' SEMENJAK BELIAU DILANTIK MENJADI KSN PADA TAHUN LEPAS. IA MERUPAKAN PENDEKATAN YANG BERASASKAN KEPADA ENAM PRINSIP, IAITU:

- KETERBUKAAN;
- TURUN PADANG;
- MUSYAWARAH;
- INSANIAH;
- KERJASAMA AWAM-SWASTA; DAN
- KEKITAAN;

5. SEBAGAI WARGA LLM, SAYA MENYARANKAN AGAR WARGA LLM MEMBUDAYAKAN PENDEKATAN 'MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM' INI DI DALAM PEMBINAAN DAN PEMANTAUAN LEBUH RAYA. KITA HARUS SENTIASA SEDAR BAHAWA KITA MEMPUNYAI DUA PERANAN YANG BERBEZA:

PERTAMA, SEBAGAI PENJAWAT AWAM YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA.

□ KEDUA, SEBAGAI PENGGUNA LEBUH RAYA YANG MENERIMA PERKHIDMATAN DARIPADA PENJAWAT AWAM, YANG MERUPAKAN RAKAN SEKERJA KITA.

6. HANYA APABILA KITA BERUSAHA UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK AKAN KITA MAMPU MEMENUHI PERMINTAAN YANG SEMAKIN MENINGKAT RAKYAT. RAKYAT KHUSUSNYA PENGGUNA LEBUH RAYA KINI SUDAH PANDAI MENILAI PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN DAN MEREKA MENGHARAPKAN PENJAWAT AWAM UNTUK MENYELAMI DAN MEMAHAMI MASALAH MEREKA. KITA MESTI BERTINDAK DENGAN CEPAT DAN BERKESAN KEPADA PERUBAHAN KEPERLUAN DAN HARAPAN RAKYAT YANG SEMAKIN MENINGKAT.

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

7. YAB PERDANA MENTERI DALAM UCAPAN BELIAU SEMASA PERHIMPUNAN BULANAN JPM MINGGU LEPAS TELAH MENGENALPASTI SATU 'KELEMAHAN' KERAJAAN IAITU, MENANGANI 'THE WAR OF PERCEPTION'. BELIAU MENYATAKAN BAHAWA

PERSEPSI, BAIK YANG POSITIF ATAU NEGATIF, BOLEH DIBENTUK MELALUI PELBAGAI CARA, TERMASUK MELALUI MEDIA SOSIAL SEPERTI FACEBOOK.

8. MEMANDANGKAN MEDIA SOSIAL SEMAKIN KERAP DIGUNAKAN SEBAGAI SATU SALURAN MAKLUMAT, SAYA INGIN MENGINGATKAN PARA HADIRIN SEKALIAN AGAR MENGGUNAKAN MEDIUM INI SECARA BERTANGGUNGJAWAB DAN BERHEMAH. SAYA JUGA INGIN MENGINGATKAN SUPAYA TIDAK TERLIBAT SAMA SEKALI DALAM PENYEBARAN KHABAR ANGIN ATAUPUN GAMBAR GAMBAR TIDAK TEPAT MELALUI LAMAN MEDIA SOSIAL SEPERTI FACEBOOK, BLOG DAN TWITTER. PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN JUGA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMANTAU AKTIVITI WARGA KERJA DI BAWAH SELIAAN MEREKA DAN PERLU MENGAMBIL TINDAKAN YANG SEWAJARNYA, SEKIRANYA MEREKA MELANGGAR UNDANG-UNDANG YANG SEDIA ADA BERHUBUNG ETIKA TATALAKU SEORANG PENJAWAT AWAM.

9. TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA ISU YANG MELANDA PEMIKIRAN RAKYAT KETIKA INI ADALAH PEMAHAMAN DEMOKRASI DAN HAK KEBEBASAN BERSUARA. PENGARUHNYA TERUTAMA SEKALI DI KALANGAN RAKYAT BIASA TELAH MEMBERIKAN KESAN YANG TIDAK PERNAH BERLAKU SEBELUM INI SEHINGGA MENINGGALKAN APA YANG DIPANGGIL SEBAGAI BUTTERFLY EFFECT. TUNTUTAN KEBEBASAN BERSUARA DI MALAYSIA BUKAN SAHAJA BERPUNCA DARIPADA KESAN GLOBALISASI TETAPI DIRANGSANG LAGI OLEH AKSES KEPADA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR INTERNET, PENINGKATAN TARAF SOSIOEKONOMI DAN TAHAP PENDIDIKAN.

10. NAMUN BEGITU, PERKONGSIAN IDEA DAN MAKLUMAT SEMASA SECARA PESAT INI TELAH MENYEDARKAN RAKYAT UNTUK MENDALAMI DAN MENDEKATI ISU-ISU PENTING DEMOKRASI SEPERTI HAK ASASI MANUSIA DAN TENTANG PEMBINAAN NEGARA BANGSA. PADA SUATU SUDUT, CORAK TENAGA BARU YANG DATANG DARIPADA PERGERAKAN TERKINI KEBEBASAN BERSUARA INI ADALAH SESUATU YANG SANGAT PENTING DAN POSITIF KEPADA KEMAJUAN NEGARA. CUMANYA, MAKLUMAT YANG

DISALURKAN KEPADA MASYARAKAT PERLULAH TEPAT DAN TIDAK MENGELIRUKAN. PERSOALANNYA, ADAKAH KITA MAHU DAN MAMPU MEMANFAATKAN KEBEBASAN BERSUARA TERSEBUT DENGAN SEBAIKNYA?

11. INGIN SAYA TEKAKANKAN DISINI BAHAWA KERAJAAN MEMANDANG SERIUS KETERLIBATAN DAN KECENDERUNGAN SEGELINTIR ANGGOTA PENJAWAT AWAM YANG MEMBERI KOMEN ATAU ULASAN YANG TIDAK SELARI DENGAN ETIKA DAN PROFESIONALISME SEBAGAI SEORANG PENJAWAT AWAM. DALAM APA JUA KEADAAN, SEBAGAI SEORANG PENJAWAT AWAM MESTI BERSIKAP PROFESIONAL, BERKECUALI DAN TIDAK BOLEH SAMA SEKALI MEMIHAK KEPADA MANA-MANA FAHAMAN PARTI POLITIK. KOMEN-KOMEN YANG JELAS MENYEBELAHI PIHAK TERTENTU WALAUPUN DIBUAT ATAS TUJUAN PERIBADI ADALAH SAMA SEKALI DILARANG. AKTA HASUTAN 1948 JELAS MENYATAKAN BAHAWA INDIVIDU YANG BERNIAT ATAU BERKECENDERUNGAN UNTUK MENGHASUT BOLEH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DAN BOLEH DIDAKWA DI MAHKAMAH.



12. LARANGAN INI JUGA MERANGKUMI PERLAKUAN-PERLAKUAN LAIN YANG MENUNJUKKAN SECARA TERBUKA KECENDERUNGAN POLITIK SEPERTI MEMAKAI PAKAIAN, MENGGUNAKAN STICKER, MEMPAMERKAN BANNER DAN LAIN-LAIN BAHAN PENGIKLANAN PARTI POLITIK. PERKARA-PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN SEDIA ADA YANG BERKUAT KUASA, HENDAKLAH DIELAKKAN SAMA SEKALI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

13. SAYA PERCAYA UNTUK MENGECAPI PELAKSANAAN PROJEK YANG LANCAR DAN BERKESAN, KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU DARIPADA SEMUA STAKEHOLDERS YANG TERLIBAT IAITU PELANGGAN, KONSESI SERTA MASYARAKAT SETEMPAT AMATLAH DIPERLUKAN. OLEH ITU, KERJASAMA, KOORDINASI DAN JARINGAN KOMUNIKASI CEKAP ANTARA SEMUA PIHAK PERLU DIPERKUKUH SEAWAL YANG MUNGKIN SEBELUM PROJEK DIMULAKAN DI TAPAK. PENGURUSAN RISIKO YANG CEKAP

DAN TELITI PULA DAPAT MEMBANTU MENGGERAKKAN PROJEK MENGIKUT LANDASAN DAN MILESTONE YANG DITETAPKAN. SALAH SATU PUNCA BERLAKUNYA KELEWATAN DI TAPAK BINA ADALAH DISEBABKAN OLEH COMMUNICATION BREAKDOWN DAN BERLAKU APABILA TIADANYA PENYELARASAN DIBUAT DALAM MENANGANI SESUATU ISU YANG TIMBUL.

14. ISU RUNTUHAN DI RAMP 2 PAKEJ 3A : BATU MAUNG INTERCHANGE PROJEK JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG (JPP2) PADA 6 JUN 2013 YANG LALU PERLU DIJADIKAN IKTIBAR KEPADA KITA SEMUA. PADA WAKTU INI SIASATAN TELAH DIJALANKAN TERUTAMA ISU-ISU MENGENAI KESELAMATAN DI TAPAK PEMBINAAN. INGIN SAYA INGATKAN KEPADA SEMUA WARGA LLM KHUSUSNYA JURUTERA DAN JURUTEKNIK YANG MELAKUKAN PEMANTAUAN DI LEBUH RAYA AGAR MEMASTIKAN KEPERLUAN-KEPERLUAN KESELAMATAN SEPERTI JAKET KESELAMATAN, KASUT KESELAMATAN DAN SEBAGAINYA PERLU DIPAKAI. PROSIDUR-PROSIDUR YANG TELAH DIBANGUNKAN BERKENAAN DENGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA PERLU DIPATUHI. PEMANTAUAN DITAPAK BAGI PROJEK-PROJEK PEMBINAAN JUGA

PERLU MENGIKUT PROSIDUR-PROSIDUR YANG DITETAPKAN. DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI BORANG SEMAKAN DAN SURAT-SURAT YANG PENTING PERLU DISIMPAN DAN MUDAH UNTUK DICAPAI. DOKUMEN-DOKUMEN SEBEGITU AMAT BERGUNA APABILA BERLAKUNYA PERKARA-PERKARA YANG DILUAR JANGKAAN KITA SEPERTI KES RUNTUHAN RAMP JPP2 UNTUK TUJUAN PENYIASATAN DAN PENGUDITAN.

15. AKHIR KATA SAYA MENYERU SUPAYA KEHADIRAN KITA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS SETIAP HARI BAIK DI PEJABAT MAHUPUN DI TAPAK ADALAH PADA TAHAP YANG TERBAIK DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA KHUSUSNYA PENGGUNA LEBUH RAYA. RIBUAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA WARGA LLM YANG TELAH MEMBERI KOMITMEN YANG TIDAK BERBELAH BAGI DAN BEKERJASAMA DEMI MEMPERTINGKATKAN IMEJ DAN PRESTASI LLM.

WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.